

# **PENGWUJUDAN LEMBAGA TABUNG HAJI DALAM MENINGKATKAN EKONOMI UMAT ISLAM DI MALAYSIA**

## **Pendahuluan**

Persaingan bagi mendapatkan kekayaan ekonomi negara semakin sengit dewasa ini. Menurut Mazilan Musa (2013), perangkaan semasa menunjukkan bahawa umat Islam di Malaysia yang mewakili lebih kurang 60 peratus penduduk hanya menguasai lebih kurang 20 peratus kekayaan ekonomi negara ini. Walaupun terdapat peningkatan yang ketara berbanding dengan kadar kurang daripada 5 peratus pada tahun 1970, nyata sekali penguasaan bumiputera adalah masih rendah berbanding kaum Cina yang menguasai 60 peratus daripada kekayaan ekonomi negara<sup>1</sup>.

Sehubungan dengan itu, umat Islam di negara ini perlu sentiasa diingatkan tentang kedudukan ekonomi mereka yang masih ketinggalan. Jika ditinjau dalam konteks ekonomi dunia pula, kebanyakan negara Islam jatuh ke dalam kategori negara kurang membangun. Statistik menunjukkan walaupun negara Islam menghasilkan 44.5 peratus daripada pengeluaran minyak mentah dunia (1989 – 1995), namun secara keseluruhannya pencapaian ekonomi negara-negara Islam adalah masih rendah. Sebagai contoh, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara Islam hanya mencatatkan 4.7 peratus daripada KDNK dunia. Pada tahun 1996, eksport negara Islam hanyalah 7.7 peratus daripada jumlah eksport dunia (USD 396 bilion / USD 5,141

---

<sup>1</sup> Mazilan bin Musa (2013). Realiti ekonomi umat Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

billion). Begitu juga dengan import negara Islam yang hanya mencatatkan sebanyak 7.43 peratus daripada import dunia ( USD 395.318 bilion / USD 5,313.50 bilion)<sup>2</sup>.

Senario dan tahap ekonomi umat Islam di dunia hari ini secara keseluruhannya amat membimbangkan jika dibandingkan dengan pencapaian ekonomi oleh penganut agama lain seperti Kristian dan Yahudi. Ketidakseimbangan tahap ekonomi yang berlaku jelas tidak menepati falsafah kehidupan agama Islam yang sentiasa menggalakkan umatnya untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka namun mestilah dalam batas syariah yang dibenarkan. Umat Islam tidak perlu menjadi miskin untuk memberikan tumpuan kepada ibadah kerana ingin mendapatkan keredaan Allah SWT. Hal ini kerana definisi ibadah itu luas tafsirannya dan masyarakat Islam perlu memahami bahawa mencari pendapatan untuk menyara keluarga dan memberi pendidikan sempurna kepada anak-anak juga adalah suatu ibadah yang dituntut oleh Islam.<sup>3</sup>

Usaha untuk mempertingkatkan dan membangunkan sistem ekonomi Islam adalah satu tugas dan usaha yang sangat murni apatah lagi bagi memecah dominasi sistem ekonomi kapitalis ciptaan barat. Tidak keterlaluan jika dikatakan usaha ini adalah salah satu daripada jihad muamalat yang juga termasuk dalam kategori jihad harta benda. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, ayat 15 yang bermaksud: “Sesungguhnya orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu

---

<sup>2</sup> Ibid., hlm.1.

<sup>3</sup> Mazilan bin Musa (2013). Islam Dan Ekonomi: Saling Memerlukan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

lagi, serta mereka berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang yang benar (pengakuan imannya).”<sup>4</sup>

Atas sebab itu, penubuhan Lembaga Tabung Haji (TH) sejak lebih lima darsawarsa yang lalu telah memainkan peranan yang penting dalam membangunkan ekonomi umat Islam di negara ini. Sejak sekian lama, TH telah menjadi penyumbang utama kepada transformasi sistem ekonomi negara dengan menyediakan instrumen kewangan dan pelaburan yang berlandaskan syariat Islam. Walaupun kewujudan TH lebih sinonim dengan pengurusan ibadat haji, namun peranan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh TH sejak daripada penubuhannya adalah lebih daripada itu terutamanya dalam membantu meningkatkan kemajuan ekonomi umat Islam di negara ini.

### **Penubuhan Tabung Haji**

Penubuhan Lembaga Tabung Haji (TH) pada tahun 1969 hasil cetusan idea Prof. DiRaja Ungku Aziz menerusi kertas kerjanya bertajuk “Rancangan Membaiki Ekonomi Bakal-bakal Haji” telah banyak membawa manfaat kepada rakyat negara ini terutamanya bagi mereka yang beragama Islam. Di awal penubuhannya, Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 yang menjadi asas penubuhan TH menyatakan antara falsafah tujuan penubuhan TH adalah bagi membolehkan orang Islam menyimpan secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardu haji atau lain-lain perbelanjaan bermanfaat; membolehkan orang Islam melalui wang simpanan

---

<sup>4</sup> *Utusan Malaysia*. (2015, Oktober 23). Jihad muamalat, membangun ekonomi umat Islam

mereka mengambil bahagian dengan lebih berkesan dalam bidang penanaman modal melalui kaedah yang halal di sisi Islam; dan memberi perlindungan, pengawalan dan kebajikan kepada jemaah haji yang menunaikan fardu haji dengan mengadakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan<sup>5</sup>.

Bagi menjamin kesinambungan TH supaya berdaya saing dalam era globalisasi, Kerajaan bersetuju bagi memperluaskan skop dan peranan TH. Sehubungan dengan itu, pada 1 Jun 1995, Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535) telah dikuatkuasakan di mana nama Lembaga Urusan dan Tabung Haji digantikan dengan Lembaga Tabung Haji pada 28 Ogos 1997. Serentak dengan itu, huruf TH telah diperkenalkan sebagai singkatan nama dan identiti korporat bagi menggantikan perkataan Tabung Haji<sup>6</sup>.

## **Peranan Tabung Haji**

Sejajar dengan namanya, objektif utama penubuhan TH ialah bagi menguruskan urusan pemergian umat Islam untuk menunaikan fardhu haji dan mengumpul dana tabungan orang Islam bagi tujuan memberi manfaat kembali kepada umat Islam dan mengelak unsur riba dalam amalan menyimpan wang. Selain itu, ia juga bagi membantu umat Islam menyimpan wang tanpa melibatkan perkara-perkara haram<sup>7</sup>.

---

<sup>5</sup> *Utusan Malaysia*. (2005, Oktober 14). Hayati falsafah penubuhan Tabung Haji

<sup>6</sup> <http://www.tabunghaji.gov.my/latarbelakang>

<sup>7</sup> Ibid.

Kini, tugas dan peranan TH bukan lagi hanya menguruskan tabungan umat Islam untuk menunaikan rukun Islam kelima di Mekah, malah turut membantu mengembangkan kedudukan ekonomi umat Islam secara keseluruhannya. Di samping itu, TH juga berperanan bagi menjaga keselamatan ekonomi umat Islam daripada terhakis oleh perkembangan dan faktor semasa. Peranan lebih luas tersebut telah pun dilaksanakan apabila dana yang dikumpulkan telah digunakan untuk membantu negara memulihkan ekonomi daripada kemelesetan yang seterusnya dapat menyelamatkan ekonomi umat Islam<sup>8</sup>.

## **Pengurusan Haji**

Saban tahun, TH menjadi pengurus utama jemaah haji Malaysia. Kemampuan jemaah haji Malaysia mengerjakan Rukun Islam kelima dengan sempurna adalah atas usaha dan inisiatif TH yang sentiasa memberikan yang terbaik daripada segi kemudahan dan kebajikan kepada mereka. Kecekapan dan kewibawaan TH dalam mengendalikan jemaah haji dari Malaysia sering mendapat pengiktirafan dunia termasuk daripada kerajaan Arab Saudi<sup>9</sup>. Malah, TH telah dipilih bagi menduduki tangga pertama daripada aspek pengurusan jemaah haji oleh Muassasah Adilla, iaitu institusi di bawah Kementerian Haji Arab Saudi. Pemilihan itu berdasarkan beberapa aspek seperti disiplin, pematuhan peraturan dan pemahaman jemaah haji Malaysia sepanjang berada di Tanah Suci.

---

<sup>8</sup> *Utusan Malaysia*. (1999, Mei 25). Peranan Tabung Haji kini lebih mencabar

<sup>9</sup> BERNAMA. (2015, Ogos 1). Kewibawaan Tabung Haji terus dapat pujian

Hakikatnya, apa yang dinikmati oleh jemaah haji Malaysia adalah hasil inisiatif serta amanah yang dipertanggungjawabkan kepada TH. Persiapan TH untuk menguruskan operasi haji pada setiap musim merangkumi tiga aspek iaitu bakal haji, petugas haji dan infrastruktur serta logistik di Mekah dan Madinah. Proses bermula sebaik sahaja berakhirnya musim haji terdahulu. Contohnya, persiapan operasi haji akan bermula sebaik-baik sahaja musim haji tahun sebelumnya berakhir dengan membuat penilaian semula terhadap perkhidmatan yang telah diberikan kepada jemaah haji<sup>10</sup>. Sesungguhnya, segala usaha yang diambil oleh TH ini adalah bagi memastikan umat Islam di Malaysia dapat menyempurnakan ibadat haji dengan selesa.

Untuk memastikan lebih ramai umat Islam negara ini dapat menunaikan ibadat haji, TH telah memperuntukkan subsidi bagi menampung kos mengerjakan ibadat tersebut agar tidak terlalu membebankan. Sebagai contoh, pada tahun ini TH masih mengekalkan kos mengerjakan haji pada kadar RM9,980 bagi seorang jemaah walaupun kos sebenar telah meningkat kepada RM17,270<sup>11</sup>. Ini bermakna, kos subsidi yang ditanggung bagi setiap jemaah adalah sebanyak RM7,291. Jelas bahawa kewujudan TH telah banyak membantu kelancaran proses untuk mengerjakan ibadat haji termasuk kemampuan TH memberikan subsidi agar kos menunaikan haji mampu ditanggung oleh umat Islam negara ini sedangkan berbeza dengan umat Islam di negara jiran di mana mereka terpaksa menanggung kos sebanyak RM20,000 seorang jika mahu menunaikan haji. Ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada peningkatan ekonomi umat Islam di negara ini kerana secara relatifnya umat Islam di Malaysia dapat menunaikan rukun Islam kelima dengan kos yang rendah.

---

<sup>10</sup> *Berita Harian*. (2015, Julai 6). Tabung Haji diiktiraf terbaik dalam pengurusan jemaah

<sup>11</sup> BERNAMA. (2015, Ogos 2). Jemaah tetap hanya bayar RM9,980 musim ini

Selain itu, TH juga memberi peluang kepada anak-anak tempatan untuk menimba pengalaman dengan mengambil mereka sebagai pembantu masakan untuk menyediakan makanan kepada jemaah haji dan umrah yang mengambil pakej dengan TH Travel. Lebih membanggakan terdapat di antara mereka kini yang menjalankan perniagaan di Arab Saudi dengan memberi khidmat kepada tetamu Allah sebagai penyedia makanan<sup>12</sup>. Ini merupakan sumbangan TH dalam membantu anak jati Malaysia mengembangkan perniagaan di Arab Saudi dengan memberi mereka peluang untuk menimba pengalaman sebagai pembantu masakan sebelum mereka memulakan perniagaan sendiri.

### **Tabungan umat Islam**

Dalam dunia moden hari ini, modal kewangan merupakan penggerak kepada kebanyakan aktiviti dan ini termasuklah kegiatan ekonomi. Umat Islam di negara ini dikatakan gemar untuk berbelanja melebihi keperluan dan ini menyebabkan mereka mempunyai kadar tabungan yang rendah. Oleh itu, umat Islam mesti mengamalkan budaya menabung jika ingin meningkatkan kedudukan ekonomi mereka. Ini adalah asas pengurusan ekonomi yang paling penting kerana hasil tabungan yang terkumpul boleh digunakan sebagai modal untuk memulakan pelbagai kegiatan ekonomi seperti berniaga, melabur, dan sebagainya. Bagi membolehkan kemampuan untuk menabung, sikap tidak boros perlulah diamalkan. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW: “Barang siapa melakukan pemborosan (pembaziran) maka Allah akan mencegahnya dari perolehan (rezekinya).” (HR. Ash Shahaab). Namun demikian, penjimatan yang

---

<sup>12</sup> *Utusan Malaysia*. (2014, Mac 27). Penyedia makanan untuk tetamu Allah

dilakukan tidaklah pula sehingga menjadi bakhil yang mana ini juga tidak disukai oleh Allah SWT sebagaimana sabda Rasulullah SAW, “Jauhilah kebakhilan. Sesungguhnya kebakhilan itu telah membinasakan (umat-umat) sebelum kamu.” (HR. Muslim).

Hasil tabungan juga boleh digunakan sebagai modal pelaburan untuk memiliki saham di dalam perniagaan orang lain dan memperoleh keuntungan<sup>13</sup>. Sebagaimana telah dijelaskan, antara falsafah pengwujudan TH adalah bagi membolehkan orang Islam mengambil bahagian dengan lebih berkesan dalam bidang penanaman modal yang berlandaskan syariah melalui wang simpanan mereka. Untuk itu, umat Islam boleh meningkatkan tabungan dengan menyimpan wang dalam Lembaga Tabung Haji (TH). Sebagai institusi kewangan yang patuh syariah, umat Islam wajar memanfaatkan peluang yang disediakan oleh TH bagi meningkatkan jumlah simpanan mereka.

TH merupakan wadah terbaik bagi umat Islam untuk menyimpan wang tanpa rasa ragu kerana pengurusan pelaburan TH adalah bebas daripada unsur syubhah mahupun riba. TH akan melaburkan kembali sebahagian daripada wang simpanan ini dalam perniagaan atau sektor ekonomi yang patuh syariah dan hasil keuntungan yang diperoleh akan dipulangkan kembali kepada pendeposit dalam bentuk bonus tahunan. Ini telah dibuktikan melalui pemberian bonus yang kompetitif kepada para pendeposit saban tahun di mana kadar bonus yang diberikan oleh TH adalah lebih baik daripada kadar simpanan yang ditawarkan oleh kebanyakan institusi perbankan Islam di Malaysia yang menawarkan pulangan pada kadar purata 3%<sup>14</sup>. Sebagai antara pengurus dana terbesar umat Islam di dunia dengan saiz dana kini melonjak lebih

---

<sup>13</sup> Ibid., hlm.1.

<sup>14</sup> *Utusan Malaysia*. (2012, Jun 8). Transformasi TH sentiasa ikut masa, ekonomi



empat kali ganda kepada RM60 bilion daripada RM13.3 bilion dalam tempoh kira-kira sedekad lalu<sup>15</sup>, pendekatan yang diambil oleh TH dalam mengendalikan hasil tabungan umat Islam telah membantu meningkatkan jumlah simpanan wang umat Islam yang sebahagiannya boleh digunakan bagi menampung perbelanjaan jemaah untuk menunaikan haji dan sebahagian lagi digunakan bagi tujuan pelaburan dalam sektor ekonomi yang strategik.

Usaha untuk memperkukuhkan ekonomi umat Islam dengan istiqamah menyimpan dan melabur melalui TH juga merupakan sebahagian daripada maksud jihad. Jihad dalam konteks memperluaskan makna ibadah bermatlamat untuk memperluaskan syariat Allah SWT. Mengamalkan sistem muamalat Islam merupakan antara jalan untuk mencapai takwa dan melahirkan akhlak yang mulia. Inilah yang dituntut oleh agama Islam yang berbeza dengan sistem ekonomi kapitalis di mana sistem ekonomi kapitalis modalnya adalah wang untuk mendapatkan wang, tetapi dalam ekonomi Islam modalnya adalah takwa untuk mendapatkan takwa<sup>16</sup>. Oleh itu, tabungan yang dibuat melalui TH dijamin berlandaskan syariah serta dana yang dikumpulkan dapat digunakan bagi membantu mengukuhkan kedudukan ekonomi ummah keseluruhannya.

Jelas bahawa simpanan di TH memberi ruang kepada umat Islam untuk memperbanyakkan amalan baik melalui peningkatan bayaran zakat tabung haji, memperkasa syiar Islam serta melaksanakan sistem kewangan yang mematuhi hukum syarak. Selain itu, hasil daripada kegiatan perniagaan TH yang berlandaskan takwa

---

<sup>15</sup> *Berita Harian*. (2015, Disember 8). Perancangan 5 tahun tingkat pelaburan, aset Tabung Haji

<sup>16</sup> Khutbah Jumaat, Jabatan Agama Islam Selangor. (2013, September 27). Tabung Haji perkasa ummah

akan dapat menyemai ukhuwah dan kasih sayang, kemesraan, tolong-menolong, mendahulukan kepentingan orang lain dan berbagai-bagai lagi budi pekerti yang luhur dalam masyarakat<sup>17</sup>. Hal ini pasti akan mewujudkan ekosistem ekonomi yang kukuh dalam kalangan umat Islam seiring dengan peningkatan tahap ekonomi ummah yang berlandaskan syariat.

## **Pelaburan**

Kaedah terbaik untuk meningkatkan penguasaan ekonomi orang Islam adalah melalui perniagaan dan ini ada dinyatakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al Bazzar dan Ahmad, “Mata pencarian yang paling afdal adalah berniaga dengan penuh kebajikan dan dari hasil usaha tangan.” Dalam sebuah hadis lain, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sembilan per sepuluh punca rezeki itu adalah di dalam bidang perniagaan.<sup>18</sup>”

Dalam menggalakkan umat Islam menceburi bidang perniagaan, Allah SWT berfirman: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi, dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.” (An-Nisaa’:29).

---

<sup>17</sup> Ibid

<sup>18</sup> Ibid, hlm.2.

Mengambil tanggungjawab bagi memakmurkan ekonomi umat Islam, TH telah menggandakan usaha bagi memperbanyakkan lagi pelaburan dalam sektor-sektor ekonomi yang boleh menjana keuntungan dengan menggunakan dana yang dikumpulkan menerusi tabungan pendeposit TH. Setelah lebih lima dekad penubuhannya, kini masyarakat umum tidak lagi menganggap TH sebagai pengurus umat Islam untuk menunaikan ibadat haji semata-mata malah menjangkau daripada itu iaitu sebagai pengurus pelaburan yang kompeten bagi meningkatkan modal umat Islam dengan melaburkannya ke dalam sektor-sektor yang halal dan menguntungkan.

TH telah mengorak langkah dengan terlibat secara aktif dalam sektor ekonomi berpotensi tinggi bagi menyemarakkan lagi ekonomi umat Islam. Antara sektor ekonomi yang membabitkan penglibatan TH ialah perindustrian, perkhidmatan, perladangan, perbankan serta pemilikan hartanah. Pelaburan dalam sektor berkenaan dalam negara mahupun luar negara antara langkah strategik TH bagi menjana pulangan yang berterusan, kompetitif dan mampan pada masa hadapan. Pada tahun 2012, pelaburan *private equity* TH mencecah nilai melebihi RM650 juta dalam lima dana domestik dan tujuh luar negara dengan tumpuan pelaburan di Timur Tengah, Asia dan Malaysia. Manakala mandat ekuiti yang tercatat pada tahun sama adalah melebihi RM425 juta untuk pasaran tempatan dan Asia Pasifik<sup>19</sup>.

Dalam usaha untuk menambahkan aset dan mengukuhkan kedudukan kewangannya, seawal tahun 1970-an TH telah melebarkan sayap dengan menceburi sektor perladangan menerusi TH Plantations Berhad. Sektor perladangan kelapa sawit

---

<sup>19</sup> *Berita Harian*. (2014, Januari 9). Melestari ekonomi ummah-TH ceburi pelbagai sektor pelaburan berpotensi tinggi

dan getah merupakan pelaburan terbesar TH di mana keluasan ladang sawit dan getah miliknya melebihi 91,000 ekar dengan yang terbesar terletak di Sabah. Di Malaysia, sejumlah 36 ladang sawit dimiliki oleh TH. Jika disoroti kembali, langkah TH menumpukan pelaburan dalam sektor perladangan bukan sahaja membuahkan pulangan yang lumayan, tetapi terbukti membolehkannya mengharungi gelombang kegawatan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1998. Ini kerana sektor pertanian tidak terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi pada waktu itu. Sebaliknya dengan kejatuhan nilai ringgit, eksport pertanian berupaya menghasilkan pendapatan yang tinggi. Pada tahun tersebut juga, TH mempunyai kemampuan untuk membayar bonus antara 9 hingga 9.5 peratus dan itu adalah petunjuk kukuh kekuatan tabungan yang dimiliki oleh institusi kewangan umat Islam tersebut ketika negara dilanda kegawatan ekonomi<sup>20</sup>.

Rekod ini menggambarkan kesungguhan TH melaksanakan iltizamnya dalam memberikan perkhidmatan terbaik dan menguntungkan para pendeposit sejajar dengan matlamat kewujudannya. Dalam konteks ini, TH telah mengambil pendekatan yang tepat dengan melabur secara aktif dalam sektor perladangan termasuk dalam sektor perladangan di Indonesia dengan keluasan melebihi 127,000 hektar. Selain itu, TH turut terlibat dalam aktiviti pengilangan serta perniagaan hiliran di negara seberang tersebut khususnya pengeluaran dan pembungkusan minyak masak untuk pasaran tempatan Indonesia dan antarabangsa. Pencapaian ini bukanlah menjadi kebanggaan TH

---

<sup>20</sup> *Utusan Malaysia*. (1998, Julai 29). Kejayaan cemerlang Tabung Haji

semata-mata tetapi juga kejayaan seluruh umat Islam di negara ini yang mampu menyatukan tabungan mereka demi memastikan kelangsungan ekonomi umat Islam<sup>21</sup>.

Selain sektor perladangan, TH turut melebarkan portfolio pelaburannya dengan menceburi sektor pembangunan hartanah, pembinaan dan pengurusan projek. Bagi sektor ini, pembangunan Bandar Enstek di Nilai, Negeri Sembilan seluas lebih 5,000 ekar telah menjadi ikon kejayaan TH dalam pembangunan hartanah. Selain Bandar Enstek, TH turut membuat pelaburan di luar negara melalui pemilikan tiga bangunan pejabat iaitu di 10 Queen Street Place, 151 Buckingham Palace Road dan Surrey pada tahun 2012 dan 2013. Selain itu, TH turut terlibat dengan projek hotel dan Pusat Konvensyen Tabung Haji di KLIA, pembinaan sehinggalah pentadbiran dan pengurusan tujuh buah TH Hotel & Residence dan Kompleks Haji di seluruh negara, pembinaan jalan raya Terminal Penerbangan Kos Rendah, KLIA serta beberapa projek strategik yang lain.

Sebagai sebuah institusi berorientasikan pelaburan, TH turut membuat pelaburan dalam sektor minyak dan gas. Penglibatan TH dalam industri minyak dan gas sejak tahun 2008 dijangka mampu menjana pulangan yang maksimum serta dapat memberi banyak manfaat kepada tujuh juta pendepositnya. Bagi sektor ini, TH telah memilih Ramunia Holdings Berhad untuk menceburi industri minyak dan gas dengan jumlah pelaburan sekitar RM300 juta yang melibatkan pegangan saham sebanyak 25.17 peratus<sup>22</sup>.

---

<sup>21</sup> *Utusan Malaysia*. (2008, Februari 7). Strategi pelaburan kukuhkan Tabung Haji

<sup>22</sup> *Utusan Malaysia*. (2012, Jun 28). Tabung Haji komited ceburi bidang minyak dan gas

Kesediaan dan langkah pragmatik TH membuat pelaburan dalam sektor pembangunan hartanah, pembinaan dan pengurusan projek serta minyak dan gas membuktikan bahawa TH mempunyai kapasiti untuk memajukan ekonomi umat Islam dengan menceburi sektor yang didominasi oleh orang bukan Islam. Usaha TH ini adalah manifestasi bahawa sebagai sebuah institusi kewangan yang mewakili umat Islam di negara ini, pelaburan yang dilakukan adalah untuk memberikan pulangan yang lumayan terutamanya kepada para pendeposit TH tanpa mengabaikan prinsip kepatuhan syariah.

Selain sektor-sektor tersebut, TH turut mempunyai perancangan untuk menceburi sektor pemakanan. Perancangan ini dibuat kerana jenama TH sudah dapat memberi keyakinan kepada para pembeli bagi mendapatkan produk berstatus halal di pasaran<sup>23</sup>. Selain itu, usaha TH ini juga akan dapat membantu pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bumiputera yang menceburi sektor pemakanan bagi memasarkan produk mereka. Hal ini membuktikan bahawa kewujudan TH berupaya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi usahawan beragama Islam yang kebanyakannya bertaraf mikro dan sederhana.

Susulan pengumuman YAB Perdana Menteri baru-baru ini berkenaan langkah-langkah proaktif bagi meningkatkan ekonomi ekoran kejatuhan nilai mata wang ringgit dan ketidakstabilan harga komoditi di pasaran, syarikat tempatan dan antarabangsa telah diminta untuk membawa pulang keuntungan daripada pelaburan di luar negara bagi membolehkan keuntungan tersebut dilaburkan dalam negara. Bagi menyahut seruan kerajaan tersebut dan dalam usaha untuk merancakkan ekonomi negara, TH

---

<sup>23</sup> *Utusan Malaysia*. (2013, Julai 11). TH kaji ceburi sektor pemakanan

dijangka akan membawa pulang RM1 bilion daripada pelaburan hartanah di luar negara. Selain itu, tumpuan juga akan diberikan kepada hartanah domestik membabitkan peruntukan aset sekitar RM3.5 bilion. Ini membuktikan bahawa TH sebagai sebuah institusi Islamik juga mempunyai keupayaan sebagai pemangkin ekonomi negara dan langkah yang diambil oleh TH tersebut diyakini dapat membantu kestabilan pasaran kewangan serta mengekalkan pertumbuhan positif ekonomi negara.

Di samping itu, dalam usaha memberi peluang pekerjaan kepada graduan dan mengurangkan kadar pengangguran, TH turut meluluskan peruntukan untuk mengambil sejumlah 700 anggota menerusi program Skim Latihan 1Malaysia tahun ini dan tahun seterusnya<sup>24</sup>. Ini membuktikan kedudukan kewangan kukuh yang dimiliki oleh TH membolehkannya memainkan peranan yang signifikan bagi membantu pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhannya dan tidak hanya tertumpu kepada ekonomi umat Islam sahaja.

Kecemerlangan TH sebagai pengurus dana Islam terbesar negara telah menjadi model kepada organisasi Islam negara luar yang berminat untuk menubuhkan institusi yang sama di negara mereka. Perkara ini terbukti dengan kehadiran wakil-wakil kerajaan antarabangsa yang berminat dengan modul tabungan, pengurusan haji dan pelaburan yang dilaksanakan TH selama ini<sup>25</sup>. Hal ini membuktikan bahawa kerajaan telah mengambil keputusan yang tepat dengan menubuhkan sebuah organisasi khusus untuk membantu umat Islam menabung berlandaskan syariah dan menjamin status

---

<sup>24</sup> *The Star*. (2015, September 15). *Tabung Haji to bring back RM1bil from overseas*

<sup>25</sup> BERNAMA. (2013, Jun 16). *Kecemerlangan Tabung Haji Jadi Model Organisasi Islam Negara Luar*

ekonomi mereka tidak terjejas dengan penjualan harta benda bagi mendapatkan sumber kewangan yang halal untuk menunaikan rukun Islam kelima itu.

## **Tanggungjawab Sosial Korporat**

Sebagai sebuah entiti korporat, TH tidak melupakan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat. Program tanggungjawab sosial korporat yang dilaksanakan oleh TH memperlihatkan sifat prihatin dan tanggungjawab terhadap keperluan masyarakat Islam setempat khususnya golongan asnaf. Pelbagai program dan aktiviti diadakan sebagai memenuhi tanggungjawab sosial korporat TH untuk manfaat dan kesejahteraan komuniti Islam setempat yang melibatkan golongan asnaf seperti program pembinaan rumah, kesihatan serta pendidikan di setiap negeri di seluruh negara<sup>26</sup>.

Selain dari melaksanakan tanggungjawab sosial korporat, TH juga sentiasa beriltizam untuk menggalas tanggungjawab terutamanya dalam soal pembayaran zakat ke setiap negeri. Simpanan dalam TH memberi ruang kepada umat Islam untuk memperbanyak amalan baik melalui peningkatan bayaran zakat tabung haji, memperkasa syiar Islam serta melaksanakan sistem kewangan yang mematuhi hukum syarak. Ini membuktikan bahawa kewujudan TH di Malaysia bukan sekadar sebagai sebuah institusi kewangan yang menawarkan produk patuh syariah, malah turut sama membantu mengembangkan ekonomi umat Islam khususnya golongan asnaf di negara

---

<sup>26</sup> *Sinar Harian*. (2012, Ogos 13). Tabung Haji agih zakat RM1.3 juta kepada 2,600 asnaf seluruh negara



ini dalam bentuk pemberian zakat perniagaan, bantuan kewangan dan juga pendidikan.

### **Cabaran Tabung Haji**

Sebagai sebuah organisasi kewangan yang terdedah kepada pasaran ekonomi terbuka, Lembaga Tabung Haji (TH) terpaksa berhadapan dengan situasi yang lebih mencabar masa kini terutama dalam persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu. Sebagai ejen penting dalam membantu meningkatkan taraf ekonomi umat Islam negara ini, TH tidak terlepas dengan cabaran yang dihadapi dalam sistem ekonomi terbuka hari ini. Ketidakstabilan harga komoditi di pasaran antarabangsa boleh memberikan impak kepada hasil pulangan pelaburan yang telah dibuat oleh TH dalam sektor perladangan serta minyak dan gas.

Sungguhpun demikian, TH telah berjaya meyakinkan para pen depositnya dengan pulangan pelaburan yang tinggi sehinggakan pada suatu ketika TH berjaya mengelakkan para pen deposit daripada menerima tempas kegawatan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997 dan 1998. Pencapaian ini adalah hasil daripada pengurusan yang berhemah dan telus serta kaedah pelaburan bijaksana bagi setiap ringgit yang dikumpulkan daripada para pen deposit. Dengan memperluaskan skop pelaburan, Tabung Haji secara tidak langsung memberikan umat Islam alternatif bagi pelaburan jangka panjang mereka dalam pelbagai sektor seperti hartanah, perkilangan dan sebagainya yang berlandaskan syariah. Pendekatan yang diambil oleh TH ini telah memungkinan umat Islam di negara ini berpeluang melibatkan diri dalam sektor-sektor yang kebanyakannya dimonopoli oleh orang bukan Islam.

Bagi memastikan TH dapat mengekalkan pencapaiannya dalam membantu meningkatkan ekonomi umat Islam di Malaysia, TH seharusnya mengenal pasti sektor-sektor ekonomi baharu yang berpotensi untuk menjana keuntungan seperti pengurusan kesihatan, penjana tenaga, automotif dan sebagainya tanpa mengabaikan prinsip syariat Islam. Ini penting agar TH dapat meningkatkan hasilnya bagi meneruskan agenda pemerikasaan ekonomi umat Islam dengan lebih berkesan.

Selain itu, TH juga perlu menggalakkan perkembangan ekonomi umat Islam dengan membantu mereka menceburi bidang keusahawanan, mengadakan skim-skim latihan graduan dan sebagainya bagi memastikan umat Islam tidak ketinggalan dalam bidang ekonomi. Sebagai contoh, Dana Bumiputera Al-Ansar sebanyak RM200 juta yang telah dilancarkan oleh TH<sup>27</sup> dapat dijadikan pemangkin untuk memperkasa dan meningkatkan ekonomi usahawan Bumiputera di negara ini.

## **Kesimpulan**

Umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia mempunyai kapasiti kewangan yang besar di mana jika disatukan mampu untuk mendepani isu-isu ekonomi dan kewangan umat Islam. Walau bagaimanapun, cabarannya ialah untuk menyahut seruan Allah SWT di dalam al-Quran bagi mempraktikkan semangat persaudaraan dan pemikiran yang satu dan jitu dalam mengurus kewangan dan kekayaan<sup>28</sup>.

---

<sup>27</sup> *Harian Metro*. (2015, April 7). Bantu Usahawan Islam: PM mahu lebih banyak GLC contohi Tabung Haji

<sup>28</sup> Barjoyai Bardai (2010). Memperkasa Institusi Pembangunan Ekonomi Dan Penggemblerangan Dana Ummah : Strategi Pemantapan Kegiatan Ekonomi Ummah Yang Lestari, Kongres Ekonomi Islam 3

Sesungguhnya, umat Islam Malaysia harus bersyukur dan berbangga kerana penubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji pada 1969 adalah satu inovasi institusi luar biasa lagi unik dan sangat besar impaknya terhadap masa depan ekonomi umat Islam di Malaysia<sup>29</sup>. Peranan dan usaha yang telah dilakukan oleh TH dalam membantu meningkatkan ekonomi umat Islam telah terbukti berkesan dan berjaya melalui pemberian bonus yang kompetitif kepada para pendepositnya setiap tahun. Dengan aset serta rangkaian portfolio pelaburan yang dimiliki, TH telah berjaya sebagai sebuah institusi kewangan Islam dalam menjana pendapatan dan pulangan kepada para pencarum TH. Selain itu, TH juga telah dapat melaksanakan jihad ekonomi apabila menceburi sektor-sektor yang kebanyakannya dikuasai oleh orang bukan Islam.

Selain daripada fungsi utamanya dalam menguruskan jemaah haji, tabungan umat Islam serta pelaburan, TH turut melaksanakan program-program tanggungjawab sosial korporat khusus bagi membantu umat Islam yang kurang berkemampuan di negara ini agar tidak terus terpinggir daripada arus kemajuan. Sesungguhnya, model perniagaan dan pelaburan yang dimiliki oleh TH ini telah pun menarik minat negara Islam yang lain untuk mencontohinya. Sewajarnya pihak pengurusan TH perlu sentiasa mengambil langkah proaktif dengan mengintai peluang dalam sektor-sektor lain yang mempunyai potensi untuk dimajukan bagi kemaslahatan umat Islam keseluruhannya. Ini bagi memastikan jihad TH dalam membantu meningkatkan ekonomi umat Islam dapat diperhebat serta menjadi sebuah institusi kewangan Islam yang progresif dan dinamik. (3732 perkataan)

---

<sup>29</sup> *Sinar Harian*. (2012, September 10). Perjuangan inovasi institusi Islam

## BIBLIOGRAFI

Mazilan bin Musa (2013). Realiti ekonomi umat Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Mazilan bin Musa (2013). Islam Dan Ekonomi: Saling Memerlukan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Barjoyai Bardai (2010). Memperkasa Institusi Pembangunan Ekonomi Dan Penggemblerangan Dana Ummah : Strategi Pemantapan Kegiatan Ekonomi Ummah Yang Lestari, Kongres Ekonomi Islam 3

Jabatan Agama Islam Selangor, Khutbah Jumaat (2013, September 27). Tabung Haji perkasa ummah

*Utusan Malaysia*. (2015, Oktober 23). Jihad muamalat, membangun ekonomi umat Islam

*Utusan Malaysia*. (2014, Mac 27). Penyedia makanan untuk tetamu Allah

*Utusan Malaysia*. (2013, Julai 11). TH kaji ceburi sektor pemakanan

*Utusan Malaysia*. (2012, Jun 8). Transformasi TH sentiasa ikut masa, ekonomi

*Utusan Malaysia*. (2012, Jun 28). Tabung Haji komited ceburi bidang minyak dan gas

*Utusan Malaysia*. (2008, Februari 7). Strategi pelaburan kukuhkan Tabung Haji

*Utusan Malaysia*. (2005, Oktober 14). Hayati falsafah penubuhan Tabung Haji

*Utusan Malaysia*. (1999, Mei 25). Peranan Tabung Haji kini lebih mencabar

*Utusan Malaysia*. (1998, Julai 29). Kejayaan cemerlang Tabung Haji

*Berita Harian*. (2015, Disember 8). Perancangan 5 tahun tingkat pelaburan, aset Tabung Haji

*Berita Harian*. (2015, Julai 6). Tabung Haji diiktiraf terbaik dalam pengurusan jemaah

*Berita Harian*. (2014, Januari 9). Melestari ekonomi ummah-TH ceburi pelbagai sektor pelaburan berpotensi tinggi

BERNAMA. (2015, Ogos 1). Kewibawaan Tabung Haji terus dapat pujian

BERNAMA. (2015, Ogos 2). Jemaah tetap hanya bayar RM9,980 musim ini

BERNAMA. (2013, Jun 16). Kecemerlangan Tabung Haji Jadi Model Organisasi Islam Negara Luar

*The Star*. (2015, September 15). *Tabung Haji to bring back RM1bil from overseas*

*Sinar Harian*. (2012, Ogos 13). Tabung Haji agih zakat RM1.3 juta kepada 2,600 asnaf seluruh negara

*Sinar Harian*. (2012, September 10). Perjuangan inovasi institusi Islam

*Harian Metro*. (2015, April 7). Bantu Usahawan Islam: PM mahu lebih banyak GLC contohi Tabung Haji

<http://www.tabunghaji.gov.my/latarbelakang>